



جامعة  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak  
UiTM Cawangan Melaka

# VIRTUAL exhibition

## Rempah Ratus Nusantara



PTAR MELAKA



UiTM Cawangan  
Melaka Library



PTAR UiTM Cawangan  
Melaka



PTAR UiTM Cawangan  
Melaka



ptar\_uitm\_melaka

# VIRTUAL exhibition

## Rempah Ratus Nusantara

### PENGENALAN

Rempah ratus telah di definisikan sebagai mana-mana daripada beberapa jenis bahan sayuran yang digunakan untuk merencah masakan atau pun makanan. Definisi ini telah diambil dari kamus Webster's New Twentieth Century.

Lazimnya rempah ratus ini dikeringkan terlebih dahulu sebelum digunakan supaya boleh disimpan lama dan tidak berkulat atau rosak. Ia mempunyai aroma dan rasa serta perisa yang tersendiri dalam pembuatan makanan agar rasa sedap apabila dimakan.

Bahan-bahan yang terkandung di dalam rempah ratus memberi kesan penyembuhan tertentu dan juga untuk menjaga kesihatan.

Sesuatu campuran daripada pelbagai jenis kandungan dalam satu jenis makanan atau beberapa jenis makanan akan memberi kesan yang berlainan daripada jumlah campuran kesan setiap satu bahan kandungan. Bahan yang tidak bernilai atau sedikit sahaja nilai secara sendirian mungkin bertindak bersama untuk memberi kesan menyembuh dan menyihatkan.



# VIRTUAL exhibition

## Rempah Ratus Nusantara

**Nama tempatan**

: Bunga Lawang

**Nama Saintifik**

: *Illicium Verum*

**Famili**

: *Illiciaceae*

**Nama Inggeris**

: Star Anis

Bunga lawang dijadikan rempah bagi menyedapkan makanan sama seperti rempah yang lain. Rupanya seakan bintang dan berbau kuat .

Masyarakat Melayu menggunakan bunga lawang untuk menumis, menambah aroma masakan seperti nasi minyak, sup berempah, nasi beriani dan pelbagai lauk pauk. Ia boleh digunakan dalam bentuk asal atau dipecahkan kepada bahagian-bahagian.

Khasiat bunga lawang untuk kesihatan Boleh digunakan untuk mengubati angin dan sakit sendi, Teh bunga lawang boleh dijadikan ubat batuk Minyak bunga lawang boleh digunakan untuk mengurangkan muntah dan loya bagi ibu mangandung



# VIRTUAL exhibition

## Rempah Ratus Nusantara

Nama Tempatan	: Kulit Kayu Manis
Nama Saintifik	: <i>Cinnamomum Zeylanicum</i>
Famili	: Lauraceae
Nama Inggeris	: Cinnamon

Kulit kayu manis sering digunakan dalam masakan sebagai rempah penumbuh dalam masakan seperti kari, rendang dan sebagainya. Selain itu, ia juga digunakan dalam membuat kek dan hidangan pencuci mulut. Rasanya yang kuat sangat mempengaruhi rasa makanan.

### Khasiat Kulit Kayu Manis Untuk Kesihatan

Dapat merawat masalah pencernaan  
Malancarkan aliran darah  
Menghilangkan loya  
Mengubati selsema  
Dapat membuang angin dalam badan  
Sesuai untuk mengubati penyakit wanita seperti sengugut



# VIRTUAL exhibition

## Rempah Ratus Nusantara

**Nama Tempatan**  
**Nama Saintifik**  
**Nama Inggeris**

: Bunga Cengkih  
: *Syzygium Aromaticum*  
: Clove



Bunga cengkih mempunyai rasa yang tajam, kuat, manis dan berangin. Ia juga mempunyai rasa pahit dan kelat dan meninggalkan paling kuat menusuk berbanding rempah lain. Bunga cengkih sesuai dibeli dalam bentuk asal kerana serbuk bunga cengkih tidak tahan lama. Penggunaan yang sedikit dalam masakan adalah disarankan memandangkan rasanya sangat mempengaruhi makanan. ia biasanya digunakan dalam masakan nasi beriani dan digunakan bersama kintan putih dan kulit kayu manis. Serbuk bunga cengkih biasanya digunakan dalam membuat kek.

### **Khasiat bunga cengkih untuk kesihatan**

Menguatkan paru-paru dan sistem pernafasan  
Menguatkan jantung  
Baik untuk mata  
Ketahanan gigi  
Menghilangkan bau mulut  
Baik untuk selsema dan radang hati



# VIRTUAL exhibition

## Rempah Ratus Nusantara

**Nama Tempatan**

: Fenugreek Seeds

**Nama saintifik**

: *Trigonella foenum-graecum*

**Famili**

: Fabaceae

**Nama Inggeris**

: Coriander Seed

Halba ialah tumbuhan yang tergolong dalam famili Fabaceae. Ditanam di seluruh dunia sebagai tanaman separa gersang, ia digunakan sebagai kedua-dua herba (daunnya) dan rempah (bijinya). Halba juga sering digunakan untuk memasak kari. Perkataan bahasa Melayu, "halba", berasal daripada nama bahasa Arab, "Hilbeh" (حلب). Nama saintifiknya *Trigonella foenum-graecum*.

Negara pengeluar halba yang terutama termasuk: India, Argentina, Mesir, Perancis, Sepanyol, Turki, Maghribi dan China, dengan India merupakan pengeluar yang terbesar di dunia. Negeri Rajasthan mengeluarkan 80% daripada jumlah pengeluaran di India, dengan negeri-negeri pengeluar utama yang lain termasuk Gujarat, Uttaranchal, Uttar Pradesh, Madhya Pradesh, Maharashtra, Haryana, dan Punjab.[2]

### Khasiat Halba Untuk Kesihatan


Penggalak Susu Semulajadi Kepada Ibu Yang Menyusukan Bayi

Menurunkan Paras Gula Dalam Darah

Menurunkan Berat Badan

Meningkatkan Kesihatan Lelaki

Mengurangkan Kesakit Senggugut dan Kontraksi Bersalin Bagi Wanita



# VIRTUAL exhibition

## Rempah Ratus Nusantara

Nama Tempatan	: Ketumbar
Nama saintifik	: <i>Coriandrum Sativum</i>
Famili	: <i>Apiaceae</i>
Nama Inggeris	: Coriander Seed

Buah ketumbar yang kering dipanggil biji ketumbar. Biji ketumbar boleh didapati dalam bentuk penuh dan kisar. Biji ketumbar mempunyai aroma pedas, bersifat kekacangan dan berempah. Ia boleh dipanggang atau dipanaskan dalam bentuk penuh bagi menguatkan dan mengubah baunya. Masyarakat Melayu biasanya menggunakan biji ketumbar bagi menambah kesedapan makanan seperti kari dan rendang. Selain itu, ketumbar juga menambahkan rasa dalam masakan lain seperti bubur nasi, ayam atau ikan goreng dan sebagainya.

### Khasiat Ketumbar Untuk Kesihatan

Minyak ketumbar digunakan untuk meningkatkan selera makan,

kurangkan kekejangan otot dan disaru bagi melegakan sengal dan buasir.

Boleh digunakan untuk mengubati keracunan makanan



# VIRTUAL exhibition

## Rempah Ratus Nusantara

**Nama Tempatan**


: Lada Hitam

**Nama saintifik**

: *Piper nigrum*

**Famili**

: *Piperaceae*



Lada hitam merupakan sejenis rempah yang penting semenjak dahulu kala lagi. Lada hitam berasal dari Asia Tenggara dan China, dan boleh didapati di sana dan di kawasan tropika yang lain. Pada masa ini, Vietnam adalah pengeluar dan pengeksport terbesar di dunia, menghasilkan 34% daripada tanaman dunia pada tahun 2008. Lada hitam adalah rempah di dunia yang paling diperniagakan. Ia adalah salah satu rempah yang paling biasa yang dimasukkan ke dalam masakan Eropah. Kedepasan lada hitam adalah disebabkan oleh kimia piperine. Ia banyak didapati dalam dunia yang moden ini, sering berpasangan dengan garam.

Pengeluar terbesar lada hitam adalah Brazil, India, Indonesia, Malaysia, dan Vietnam. Di Malaysia, ia dibantu oleh Jemaah Pemasaran Lada Hitam (JPLH), Lembaga Lada Hitam Malaysia (MPB) 1 Jan 2007.



# VIRTUAL exhibition

## Rempah Ratus Nusantara

**Nama Tempatan**

: Buah Keras

**Nama saintifik**

: *Aleurites moluccana*

**Famili**

: *Euphorbiaceae*.

Buah Keras (bahasa Inggeris: Candlenut, Candleberry, Indian walnut, Varnish tree atau Kukui nut tree), juga dikenali sebagai Kemiri di Indonesia, ialah salah satu spesies tumbuhan dalam famili Euphorbiaceae. Nama saintifiknya *Aleurites moluccana*.[1]

Taburan aslinya tidak dapat ditentukan dengan tepat kerana pokok ini awal-awal lagi telah disebarluaskan oleh manusia. Pokok ini kini ditemukan secara meluas di kawasan-kawasan tropika .

Banyak bahagian Pokok Buah Keras telah digunakan sebagai ubat tradisional di kebanyakan kawasan yang ia merupakan pokok asli. Minyaknya merupakan perengsa dan pencahar, dan kekadangnya digunakan seperti minyak jarak. Ia juga dipergunakan sebagai peransang rambut atau penambah kepada sistem-sistem rawatan rambut. Isirungnya boleh digunakan sebagai ubat julap manakala di Jepun, kulit batangnya telah dipergunakan untuk merawat tumor. Di Sumatera, biji-bijinya ditumbuk lalu dibakar dengan arang untuk disapu pada bahagian pusat badan supaya dapat merawat cirit-birit manakala di Pulau Jawa pula, kulit batangnya dipergunakan untuk merawat cirit-birit dan disentri. Isirung yang dijadikan pulpa atau daun-daun yang direbus digunakan di Malaysia sebagai tuam untuk merawat sakit kepala, demam, ulser dan sendi bengkok.



# **VIRTUAL exhibition**

## Rempah Ratus Nusantara

**Nama Tempatan**  
**Nama Saintifik**  
**Nama Inggeris**

**: Buah Pelaga**  
**: Elettaria Cardamomun**  
**: Cardomom**

Buah pelaga atau "Cardamom" mempunyai rasa dan aroma yang segar. Ia boleh digunakan dalam masakan sama ada dalam bentuk serbuk atau sebijji-sebijji. Buah buah pelaga yang kering biasanya digunakan dalam pelbagai masakan seperti nasi, sayuran dan lain-lain masakan. Ia juga digunakan untuk menyedapkan lagi rasa puding dan kek.

Masyarakat Arab di Timur Tengah menambah serbuk Pelaga di dalam minuman mereka seperti kopi, teh dan sirap sebagai perisa tambahan. Dalam masakan India, buah pelaga digunakan sebagai bahan dalam membuat garam masala, tandoori atau ayam vindaloo.

### **Khasiat Buah Pelaga Untuk Kesihatan**

Membantu dalam mengurangkan nafas berbau (halitosis) serta menguatkan gusi.

Bermanfaat untuk mereka yang menghidap penyakit asma, bronchitis dan pelbagai penyakit berkaitan masalah pernafasan.

Menghilangkan masalah kesihatan kanak-kanak seperti batuk, kembung perut, mual, radang tekak dan perut memulas.

Baik untuk membuang angin dalam badan dan merangsang pencernaan.

Membantu membuang toksin dalam badan



# VIRTUAL exhibition

## Rempah Ratus Nusantara

**Nama Tempatan**

: Jintan Putih

**Nama saintifik**

: *Cuminum cyminum*

**Famili**

: Apiaceae

Jintan putih (*Cuminum cyminum*) merupakan tumbuhan berbunga dari famili Apiaceae yang berasal dari daerah Laut Tengah bagian timur sampai India bagian timur. Panjang daunnya 5–10 cm, berbentuk menyirip atau menyirip rangkap dan memiliki anak daun seperti benang. Bunganya kecil, berwarna putih atau merah muda, dan bergerombol pada payungan bunga. Buahnya merupakan longkah (achene) menggelendong lateral atau oval dengan panjang 4–5 mm dan mengandung satu biji.

Nama saintifiknya *Cuminum cyminum* dan seringkali orang ramai terkeliru dengan jintan manis (fennel seed) yang mempunyai bentuk dan rupa yang seakan mirip. Ironinya, jintan manis warnanya lebih putih daripada jintan putih yang berwarna gelap kehitaman. Jintan putih ini selalu digandingkan bersama jintan manis sebagai bahan perapan, rempah masakan dan petua tradisional.

Amalan penggunaan jintan putih ini banyak dilihat dalam budaya setempat antara kaum Melayu, Cina dan India dalam masakan sehari-hari.



# VIRTUAL exhibition

## Rempah Ratus Nusantara

Nama Tempatan

Nama saintifik

Famili

: Fennel seeds (Jintan Manis)


: Pimpinella anisum

:

Jintan manis merupakan sejenis rempah. Nama saintifik jintan manis ialah Pimpinella anisum. Dalam perubatan tradisi. Sungguhpun tidak dibuktikan secara saintifik, jintan manis dipercayai memiliki banyak khasiatnya.

Ia dapat melegakan kesakitan dalam badan, melancarkan aliran keluar haid, membanyakkan susu dan membuang gas dalam usus. Ia juga boleh digunakan dalam bentuk serbuk dan disapu di sekeliling mata bagi menguatkan pandangan mata.

Selain itu juga, jintan manis ini dapat membuat lemak di pangkal paha dengan cara merebus jintan manis dengan 5 cawan air sehingga mendidih. Selepas itu biarkan air rebusan sejuk. Amalkan meminum air rebusan jintan manis ini pagi dan petang selama empat minggu



# VIRTUAL exhibition

## Rempah Ratus Nusantara

**Nama Tempatan**

: Buah Pala

**Nama saintifik**

: *Myristica fragrans*

**Famili**

: *Myristicaceae*

BUAH PALA (*Myristica fragrans*) merupakan sejenis buah tropika dari keluarga *Myristicaceae* yang banyak khasiat terutama khasiat permakahan dan khasiat perubatan. Buah pala dipersepsi berasal dari kawasan Indonesia khususnya kepulauan Maluku dan ditanam di kawasan Asia Tenggara, Granada, Mauritius dan West Indies.

Pokok Buah pala mampu tumbuh sehingga 8-12 meter tinggi dimana mempunyai batang utama dan banyak dahan. berwarna kelabu gelap Daunnya berbentuk elips langsing atau 'ovate-alternate' berwarna hijau berukuran 5 cm lebar dan 10 cm panjang.

Serbuk biji buah pala yang di campu dengan air dan ditelan akan mampu memanaskan badan. Ianya juga boleh dianggap sebagai tonik kesihatan untuk melegakan perut, membantu sistem penghadaman dan mengeluarkan banyak angin dalam perut. Serbuk ini juga didakwa mampu menyembuhkan cirit birit, demam malaria, sakit perut, rheutism, sengal pada pangkal peha dan lain-lain lagi.



# VIRTUAL exhibition

## Rempah Ratus Nusantara

### RUJUKAN :

- <http://nusantaraberarenatimur.blogspot.com/2012/12/kenali-rempah-ratus-rempah-ratus.html>
- <https://kabarpublik.com/15-manfaat-buah-pala-kandungan-dan-efek-samping-doktersehat/>
- <https://www.newmalaysiankitchen.com/fennel-seeds-jintan-manis-cumin-jintan-putih/>
- <https://www.alaf21.com.my/info-Artikel/1225/REMPAH-RATUS-PERLU-ANDA-TAHU>
- <https://www.thepatriots.asia/herba-dan-rempah-ratus-dalam-masakan-melayu/>
- <https://hellosehat.com/obatan-suplemen/herbal/jinten/>
- <https://bidadari.my/khasiat-jintan-putih/>

